

SYEIKH DR. YUSUF AL-QARADHAWI : SIAPAKAH BELIAU?

Dalam Bayan Linnas ini, saya merasa terpanggil untuk memberi sebuah komentar berkenaan dengan isu yang begitu hangat pada masa kini apabila waran tangkap terhadap ulama' terkenal (Nota Merah) oleh Interpol bukan sahaja memmeranjatkan ummat Islam tetapi dunia keseluruhannya. Boleh jadi kerana sikap dan fatwa yang dikemukakannya menyebabkan sebahagian orang tidak selesa dengan kelantangannya itu. Dalam menyatakan hakikat ini, saya mengemukakan beberapa kenyataan yang menggambarkan peribadinya yang menonjol dan watak sebenar tokoh yang hebat ini.

Biografi Ringkas Syeikh Yusuf al-Qaradhawi

Nama sebenar beliau adalah Yusuf bin Abdullah bin Ali bin Yusuf. Dilahirkan pada tahun 1926 di sebuah perkampungan Desa Shafat at-Turab, Mahallah al-Kubra, Gharbiah, Mesir. Sebutan yang tepat adalah 'al-Qaradhawi seperti yang dinyatakan dalam bukunya, Ibn al-Qaryah wa al-Kuttab, tetapi ahli Syam menyebutnya dengan 'al-Qardhawi'. Ianya dinisbahkan kepada perkampungan al-Qardhah.

Bapanya meninggal dunia ketika beliau masih lagi kanak-kanak dan berusia sekitar 2 tahun. Beliau dipelihara oleh ibu, bapa saudara dan datuknya. Ketika berada di peringkat thanawi (pendidikan menengah), ibunya meninggal dunia. Beliau terkenal dengan kepintaran dan ketajaman ilmunya. Sejak kecil, beliau sentiasa mendapat tempat pertama, kecuali pada peperiksaan akhir di peringkat thanawi, beliau mendapat tempat kedua di seluruh Mesir dengan perbezaan setengah markah sahaja dengan individu yang mendapat tempat pertama.

Seterusnya, beliau melanjutkan pelajar ke Universiti al-Azhar dalam kuliah Usuluddin. Beliau memilih Universiti al-Azhar sebagai tempat untuk menyambung pengajiannya walaupun beliau juga ditawarkan ke Dar al-Ulum, Kaherah.

Beliau menyelesaikan pengajiannya di peringkat Doktor Falsafah (PhD) pada 1973. Untuk meraih gelaran Doktor Falsafah (PhD) di Universiti al-Azhar, Kaherah, beliau menulis disertasi dengan judul "*Zakat dan Pengaruhnya Dalam Mengatasi Masalah Sosial*". Disertasi ini telah dibukukan dan diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa dunia.

Sebelum itu, pada tahun 1957, Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradhawi juga sempat memasuki Institut Pembahasan dan Pengkajian Arab Tinggi dengan meraih Diploma Tinggi Bahasa dan Sastera Arab.

Guru-Gurunya

Antara guru-gurunya yang terkenal ialah:

- Syeikh Hamid Abu Zuwail
- Syeikh Ali Khalil
- Syeikh Muhammad Mutawalli al-Sya'rawi
- Syeikh Hasan al-Banna
- Ustaz al-Bahi al-Khuli
- Syeikh Mahmud al-Daftar
- Syeikh al-Manufi
- Syeikh Muhammad al-Ghazali
- Syeikh Sayyid Sabiq
- Syeikh Muhammad Abd al-Rahman al-Bisar
- Syeikh Muhammad Mukhtar Budari
- Syeikh Muhamad Ahmadain
- Syeikh Abdul Hamid al-Syazili
- Syeikh Soleh Sharraf
- Syeikh al-Aisawi
- Syeikh Muhammad Yusuf
- Syeikh Abdul Fattah Shahathah
- Syeikh Mahmud Fayyadh
- Syeikh Abu Zaid Shalabi
- Syeikh Dr. Muhammad Ghallab
- Syeikh Abdul Halim Mahmud
- Syeikh Tayyib Najaz
- Syeikh Dr. Jamaluddin
- Syeikh Abi al-Gharabi

Dan ramai lagi.

Jawatan-Jawatan

Antara jawatan yang disandangnya adalah:

- Penyelia Hal Ehwal di Kementerian Wakaf dan Jabatan Kebudayaan Islam al-Azhar.
- Pengarah Kolej Agama, Qatar selama 12 tahun sejak tahun 1961
- Pengarah bahagian Pengajian Islam di Fakulti Pendidikan pada tahun 1973
- Pengasas dan Dekan Fakulti Syariah dan Pengajian Islam, Universiti Qatar pada tahun 1977 sehingga tahun 1989/90
- Pada tahun 1991, menjadi Pengarah Pusat Pengkajian Sunnah dan Sirah, Universiti Qatar.
- Pada tahun 1990/91 menjadi pensyarah pelawat di Algeria.

Al-Qaradhawi juga menjadi ahli beberapa majlis dan yayasan tempatan dan antrabangsa yang memberi tumpuan kepada pemikiran, pengetahuan, hal ehwal Islam dan dakwah. Antaranya ialah :

- Presiden Al-Ittihad al-Alami li-Ulama' Muslimin (Kesatuan Ulama' Islam Sedunia)
- Majlis Rabitah al-Alam al-Islami, di Makkah,

- Majlis Rabitah al-Alam al-Islami, di Mekkah,
- Majlis Diraja Untuk Pengajian Tamadun Islam di Jordan,
- Oxford Islamic Centre for Studies
- Majlis Universiti Islam Antarabangsa Islamabad,
- Organisasi dakwah Islam di Khortum, Sudan
- Majlis Tinggi Pendidikn di Qatar
- Majlis Pusat Penyelidikan Tamadun di Qatar
- Ahli Lembaga Fiqh Islam di Mekah
- Ahli Liga Kesusasteraan Islam
- Ahli Gabungan ekonomi Islam di kaerah
- Ahli Majlis dana Islam di Qatar
- Ahli Majlis Pengajian Islam Eropah di Perancis
- Ahli Yayasan Media Islam Antarabangsa di Islambad, Pakistan.
- Menjawat jawatan Pengarah Lembaga Pengawasan Syariah di beberapa bank Islam. Antaranya ialah Bank al-Taqwa yang berpusat di Swizterland dan Bank Islam Qatar
- Penasihat dalam majalah Mua'asir, Islamiyyat al-Ma'rifat dan Jurnal Syariah dan Pengajian Islam, Universiti Qatar.

Anugerah-Anugerah

Beliau telah mendapat anugerah antaranya ialah :

- Anugerah Ekonomi Islam daripada Islamic Development Bank pada tahun 1411.
- Anugerh Antarabangsa Raja Faisal dalm bidang pengkajian Islam pada tahun 1413 bersama dengan Sayyid Sabiq.
- Anugerah Kecemerlangan Sarjana Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 1996.
- Anugerah Sultan Hasan al-Bulkiah Sultan Brunei dalam bidang Fiqh pada tahun 1997.
- Anugerah Sultan al-Uwais, Emeriat Arab Bersatu pada thun 1999.
- Anugerah Antarabangsa Dubai pada tahun 2000

Karya Penulisan

Beliau banyak menyampaikan dakwah dan membentangkan kertas kerja di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Begitu juga, beliau banyak menghasilkan karya ilmiah yang bermutu tinggi sehingga menjadi rujukan samada fatwa atau pendapatnya oleh para ulama'.

Al-Qaradawi telah mengarang hampir seratus buah buku dalam pelbagai bidang keilmuan Islam terutama dalam bidang sosial, dakwah dan pengajian Islam. Buku-buku beliau sangat diminati oleh umat Islam seluruh dunia. Bahkan buku-buku tersebut telah diulang cetak berpuluh-puluh kali dan diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa. Di samping itu, buku-buku tersebut dapat menjelaskan wawasan perjuangan dan pemikiran al-Qaradawi secara lebih terperinci. Antaranya ialah :

1. Fiqh dan Usul Fiqh

- *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*
- *Fatawa Mu'asarah, 2 jilid*
- *Al-Ijtihad fi al-Shari'at al-Islamiah*
- *Madkhal li Dirasat al-Shari'at al-Islamiah*
- *Min Fiqh al-Dawlah al-Islamiah*
- *Nahw Fiqh Taysir*
- *Al-Fatwa bayn al-Indibat wa al-Tasayyub,*
- *Al-Fiqh al-Islami bayn al-Asalah wa al-Tajdid*
- *Awamil al-Sa'ah wa al-Murunah fi al-Syari'ah al-Islamiah*
- *Al-Ijtihad al-Mu'asir bayn al-Indibat wa al-Infirat*
- *Fiqh al-Siyam*
- *Fiqh al-Taharah*
- *Fiqh al-Ghina' wa al-Musiqa*
- *Fi Fiqh al-Aqaliyyat al-Muslimah*

2. Ekonomi Islam

- *Fiqh al-Zakat 2 jilid*
- *Mushkilat al-Faqr wa kayfa Alajaha al-Islam,*
- *Bay'u al-Murabahah li al-Amri bi al-Shira*
- *Fawa'id al-Bunuk Hiya al-Riba al-Haram*
- *Dawr al-Qiyam wa al-Akhlaq fi al-Iqtisad al-Islami*
- *Dawr al-Zakat fi alaj al-Musykilat al-Iqtisadiyyah*

3. Pemahaman al-Qur'an dan al-Hadith

- *Al-Aql wa al-Ilm fi al-Quran*
- *Al-Sabru fi al-Quran*
- *Tafsir Surah al-Ra'd*
- *Kayfa Nata'amal ma'a al-Sunnah al-Nabawiyyah*
- *Madkhal li Dirasat al-Sunnah*
- *Kayfa Nata'amal ma'a al-Quran*
- *Al-Muntaqa min al-Taghib wa al-Tarhib*
- *Al-Sunnah Masdaran li al-Ma'rifah wa al-Hadarah*

4. Tauhid

- *Wujudullah*
- *Haqiqat al-Tawhid*
- *Mawqif al-Islam min al-Ilham wa al-Kashaf wa al-Ru'a wa Min al-Tamai'm wa al-Kahanah wa al-Raqy*
- *Al-Iman bi al-Qadr*

Pengiktirafan Ulama' Dunia Kepada Syeikh Yusuf al-Qaradhawi

Ramai tokoh ulama dan cendekiawan Islam kontemporari yang memuji ketokohan dan keilmuan mendalam yang dimiliki oleh beliau. Lebih menarik lagi, antara pengiktirafan yang diperolehnya adalah daripada guru-gurunya sendiri. Antara

pujian yang diterimanya adalah daripada :

- Pelantikan beliau sebagai Presiden Al-Ittihad al-Alami li-Ulama' Muslimin (Kesatuan Ulama' Islam Sedunia) pada tahun 2014 baru-baru ini membuktikan pengiktirafan ulama' dunia kepada beliau.

- Syeikh Muhammad Mutawalli al-Sya'rawi

- Syeikh Muhammad al-Ghazali

"Dahulu beliau merupakan murid dan saya merupakan gurunya tetapi sekarang beliau merupakan guru dan saya menjadi muridnya pula"

- Maulana Abu al-Hasan 'Ali al-Nadwi

Maulana al-Nadwi menyifatkan Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradhawi sebagai seorang yang benar-benar alim dan pendidik yang terkemuka. Baginya, beliau merupakan ulama' lulusan Universiti al-Azhar yang bergiat dalam bidang dakwah dengan menggabungkan aspek kefahaman Islam yang benar dengan realiti dunia masakini. Beliau menggabungkan sisi dakwah dan manhaj Hasan al-Banna dengan sisi akademik yang diperolehi di Universiti al-Azhar. Manhajnya yang menggabungalinkan tradisi dan moden adalah sebaik-baik manhaj.

- Syeikh Soleh Sharraf

- Syeikh Mahmud Syaltut

- Syeikh Sayyid Sabiq

- Syeikh Anwar al-Jundi

"Bukan semua orang seperti al-Qaradhawi yang dikurniakan Allah penguasaan dalam penulisan dan pidato."

- Syeikh Mustafa Zarqa'

"Syeikh al-Qaradhawi adalah tokoh semasa yang merupakan anugerah ilahi kepada umat Islam sekarang."

Tokoh Yang Berpengaruh Dalam Membentuk Pemikiran dan Akhlaknya

Disenaraikan beberapa tokoh ilmunan silam dan kontemporari yang memberi pengaruh kepada pemikiran dan akhlak Syeikh Yusuf al-Qaradhawi. Antaranya :

- Imam Abu Hamid al-Ghazzali (Penulis *Ihya' Ulum al-Din*)

- Syeikh Hasan al-Banna (Pengasas Ikhwan Muslimin)

- Ustaz al-Bahi al-Khuli (Pemimpin Ikhwan Muslimin kawasan al-Gharbiyah)

- Syeikh Muhammad al-Ghazali (Ulama' al-Azhar yang juga ahli Ikhwan Muslimin)

- Syeikh Muhammad Abdullah Darraz (Ulama al-Azhar)

- Syeikh Mahmud Syaltut (Mantan Syeikhul Azhar)

- Syeikh Abdul Halim Mahmud (Mantan Syeikhul Azhar)

- Syeikh Muhammad Rashid Ridha (Penulis *Tafsir al-Manar*)

- Syeikh Muhammad Abduh (Ulama' al-Azhar)

Beliau masih meneruskan kehidupannya dengan menyampaikan dakwah dan berkarya untuk memberi kesedaran dan kefahaman kepada ummah. Semoga Allah terus memberikan kesihatan kepada Fadhilah al-Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradhawi.

Kenyataan Mufti Wilayah Persekutuan

Berdasarkan biografi ringkas yang dipaparkan di atas, jelas menunjukkan kepada kita adalah amat tidak munasabah tokoh alim rabbani seperti ini merupakan pelopor kepada keganasan atau penyebar kepada perpecahan. Sebaliknya, dasar wasatiyyahnya yang diperkenalkan dalam manhaj hidupnya telah menjadi gagasan yang berjaya. Hal ini telah terbukti melalui banyak penulisannya, ceramahnya bahkan pendirian-pendirian yang telah ditunjukkannya.

Justeru, dengan tegasnya kita merasakan tuduhan yang diajukan kepadanya sebagai **fitnah** dan **berniat tidak baik** kepada ulama' yang tersohor ini yang telah menaburkan banyak jasa kepada ummah dalam memberi kefahaman Islam yang sebenar. Cukuplah dengan dua bukunya yang tersohor yang telah merujuk rujukan ummah sedunia seperti al-Halal wa al-Haram fi al-Islam dan juga Fatawa Mu'asirah

Begitu juga para gurunya daripada masyaikh al-Azhar dan ulama' muktabar masakini seperti Syeikh al-Azhar yang terdahulu, Maulana Abi al-Hasan Ali al-Nadwi dan ramai lagi tokoh mengakui dan memuji keilmuannya. Marilah sama-sama kita mengasihi dan menghormati ulama' seperti ini yang menjadi bintang kepada ummah dan obor yang menerangi ufuk minda manusia ke arah yang lebih baik.

Ya Allah, peliharalah Dr. Yusuf al-Qaradhawi dan para ulama' yang dizalimi. Ya Allah, satukanlah hati-hati kami untuk mengasihi para ulama' dan memperkuat ukhuwah Islamiyyah. Ya Allah, hindarkanlah kami dari sebarang fitnah dan malapetaka. Ya Aziz, Ya Ghaffar, Ya Qahhar, Ya Rabbal Alamin!

Semoga Allah mengurniakan ketabahan kepada Fadhilah al-Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradhawi dan menjadikan peristiwa ini sebagai titik penyatuan umat Islam di bawah payung Syariat Islam. Amin.

Akhukum fillah

Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri

Mufti Wilayah Persekutuan